



# BULETIN MPSPK

Edisi 2018 Vol 2

KEDAH AMAN MAKUR

Edaran Percuma

[www.mpspk.gov.my](http://www.mpspk.gov.my)

MAJLIS PERBANDARAN SUNGAI PETANI  
Sungai Petani Municipal Council



07 Kempen Kibar Jalur Gemilang

09 Majlis Angkat Sumpah Ahli Majlis Penggal 2018-19

13 Majlis Khatan Perdana 2018



# ISI KANDUNGAN

- 01 Editorial
- 02 Perutusan Yang Dipertua
- 03 Berita Ringkas
- 04 Program Bubur Lambuk & Singgah Sahur
- 05 Larian Obor Asia Pacific Masters Games (APMG)
- 07 Kempen Kibar Jalur Gemilang
- 09 Majlis Angkat Sumpah Ahli Majlis 2018-19**
- 11 Larian FUN RUN Merdeka 2018
- 13 Majlis Khatan Perdana MPSPK 2018
- 15 Majlis Perarakan Kereta Berhias
- 18 Ragam MPSPK

## EDITORIAL

Pengerusi/Penaung  
Norizan bin Khazali  
AMK.,BCK.,  
Yang Dipertua, MPSPK

Penasihat  
Helmi bin Yahya  
AMK., BCK.,  
Setiausaha, MPSPK

Editor  
Faten binti Sobri  
Ketua Bahagian Perhubungan Awam & Korporat

Penulisan  
Amir Zafran Bin Ahmad Asri  
Pelatih INSPIN

Arahan Seni & Fotografi  
Armin Anuar

### MPSPK

Majlis Perbandaran Sungai Petani  
Jalan Patani,  
08000 Sungai Petani, Kedah Darul Aman



### 04 Program Bubur Lambuk & Singgah Sahur



Larian Obor Asia  
Pacific Masters Games  
05 (APMG)



Majlis Angkat Sumpah  
Ahli Majlis 2018-19



13 Majlis Khatan Perdana  
MPSPK 2018



Tel  
Faks  
Aduan

04-4296666  
04-4296655/56  
04-4296700



<http://www.mpspk.gov.my/>  
<http://eaduan.mpspk.gov.my/>  
<https://www.facebook.com/Majlis-Perbandaran-Sungai-Petani>

© Hakcipta Terpelihara 2018 MPSPK

Penerbitan ini boleh diterbit semula keseluruhan dan sebahagiannya bagi tujuan pendidikan atau tujuan-tujuan yang tidak memberi keuntungan tanpa persetujuan daripada pemilik hakcipta, dengan syarat penghargaan diberi kepada sumber berkenaan dan senasakahan terbitan yang menggunakan terbitan ini sebagai sumber dikemukakan ke Majlis Perbandaran Sungai Petani. Terbitan ini tidak boleh diterbitkan untuk jualan atau untuk apa-apa tujuan pniagaan tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Majlis Perbandaran Sungai Petani.

Seluruh hasil penulisan dan fotografi adalah hak milik Majlis Perbandaran Sungai Petani.

Diterbitkan oleh Bahagian Perhubungan Awam dan Korporat, Majlis Perbandaran Sungai Petani.

Assalamualaikum wrt dan salam sejahtera!

Syukur ke hadrat Allah SWT di atas segala limpah kurnia yang telah diberikan olehNYA, MPSPK berjaya menghasilkan Buletin MPSPK edisi bil 2/2018.

Saya amat berbangga dengan komitmen diberikan oleh warga kerja MPSPK dalam menjayakan program-program Majlis sepanjang tahun 2018. Terima kasih juga kepada sidang redaksi Buletin MPSPK atas usaha menghasilkan majalah ini.

Ucapan ribuan terima kasih juga atas sokongan padu daripada masyarakat setempat membolehkan MPSPK memberikan perkhidmatan yang terbaik.

Perubahan kerajaan baru pada bulan Mei telah menjadikan MPSPK perlu melalui perubahan pentadbiran yang amat besar. Antara fokus utama MPSPK dengan hala tuju kerajaan baru adalah keutamaan kepada meringankan beban rakyat dengan melaksanakan program CSR bersama pemain-pemain industri, korporat, swasta dan lain-lain yang berkaitan. Penglibatan mereka adalah penting dalam memastikan ianya selari dengan visi MPSPK untuk berupaya membantu rakyat terutama penduduk di kawasan pentadbiran MPSPK secara khususnya.

Saya berharap masyarakat setempat semakin memahami peranan MPSPK melalui artikel, rencana dan gambar-gambar yang diterbitkan dalam buletin ini.

Terima kasih atas sokongan semua pembayar cukai yang setia!

NORIZAN BIN KHAZALI  
AMK.,BCK.  
Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Sungai Petani

## INFO TALIAN JABATAN/BAHAGIAN

01 JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN  
04-429 6770

02 JABATAN KEWANGAN  
04-429 6609

03 JABATAN PENILAIAN & PENGURUSAN HARTA  
04-429 6701

04 JABATAN PERANCANG BANDAR  
04-429 6646

05 JABATAN KEJURUTERAAN  
04-429 6626

06 JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN  
04-429 6738

07 JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT  
04-429 6777

08 JABATAN LANSKAP & REKREASI  
04-429 6788

09 JABATAN PENGUATKUASAAN  
04-429 6783

10 JABATAN BANGUNAN  
04-429 6678



# MAJLIS PEMASYHURAN JERAI GEOPARK



Majlis Pemasyhuran Jerai Geopark  
24/11/2018  
Kaki Gunung Jerai, Gurun

Sempena Istiadat Pertabalan Sultan Kedah Ke-29, Geopark Jerai secara rasmi dimasyhurkan sebagai Geopark Kebangsaan.

Sultan Kedah, Sultan Sallehuddin Sultan Badlishah berkenan menyempurnakan pemasyhuran Jerai Geopark sebagai Geopark Kebangsaan di kaki Gunung Jerai.

Hadir sama Menteri Besar, Datuk Seri Mukhriz Mahathir, Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli Dr. A. Xavier Jayakumar serta beberapa Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri.

Dr. Xavier berkata geopark merupakan satu istilah yang digunakan bagi menerangkan konsep pembangunan lestari yang mementingkan pemuliharaan sumber warisan semula jadi, di samping memartabatkan sejarah dan budaya serta merancakkan kegiatan ekonomi masyarakat setempat.



## Majlis Penyerahan Sumbangan Aidilfitri KESUKEM



Majlis Penyerahan Sumbangan Aidilfitri KESUKEM  
11/06/2018  
Bilik Gerakan, Aras 5, Menara MPSPK

Sumbangan ini telah melibatkan seramai 565 orang warga MPSPK dan berbentuk barang makanan atas sempena menyambut ketibaan Aidilfitri.

Penyampaian sumbangan tersebut telah disempurnakan oleh Tuan Setiausaha Encik Helmi Yahya bersama ketua-ketua bahagian dan jabatan MPSPK.

## Bengkel Pra-Audit ke - 2



Bengkel Pra-Audit ke-2  
08/11/2018  
Bilik Gerakan, Aras 5, Menara MPSPK

Satu bengkel persediaan bagi penilaian sistem penarafan pintar Star Rating telah dikelolakan oleh Jabatan Khidmat Pengurusan.

Bengkel tersebut melibatkan semua warga MPSPK bersama Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) sebagai panel jemputan penilai untuk persiapan bagi audit sebenar yang dinilai oleh KPKT.

## PROGRAM BUBUR LAMBUK & SINGGAH SAHUR

Program Bubur Lambuk & Singgah Sahur  
10/06/2018  
Menara MPSPK.

Program bubur lambuk dan singgah sahur telah dianjurkan dengan jayanya oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat MPSPK. Program ini melibatkan beberapa jabatan dalaman MPSPK, jabatan-jabatan kerajaan dan NGO sekitar bandar Sungai Petani.

Bermula dengan acara gotong-royong bagi memasak bubur lambuk, kehadiran YDP Encik Norizan Khazali dan Setiausaha, Encik Helmi Yahya menyerikan lagi program apabila turut bersama bergotong-royong memasak bubur lambuk dengan semua peserta.



Edaran bubur lambuk juga dilakukan di kawasan Plaza Tol Sungai Petani Utara dan Selatan. Program Singgah Sahur pula diadakan pada jam 10 malam sehingga 5 pagi.

Gotong-royong memasak & membungkus makanan telah bermula dari jam 10 malam seterusnya diedarkan kepada pekerja yang bertugas pada waktu malam seperti pengawal keselamatan di sekolah-sekolah, pusat tafzil, stesen minyak dan jabatan kerajaan.

Matlamat program ini adalah bagi merealisasikan hasrat untuk memupuk jalinan kerjasama antara PBT dan badan-badan luar melalui Corporate Social Responsibility(CSR) di samping mengeratkan perpaduan serta hubungan antara masyarakat dengan MPSPK.



## LARIAN OBOR ASIA PACIFIC MASTERS GAMES (APMG)



Larian Obor Asia Pacific Master Games (APMG)  
5 - 7 Julai 2018  
Jeti Semeling - Dataran Zero KM, Sungai Petani

Jalinan kerjasama antara Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bersama MPSPK diteruskan dengan siri promosi jelajah Program Asia Pacific Masters Games. Rasminya program ini mengambil tempat di kaki Gunung Jerai dengan menunggu kehadiran pelari wakil Majlis Daerah Yan tiba menyerahkan obor.

Obor seterusnya dibawa sambil berlari sebelum menaiki kenderaan pacuan empat roda menuju ke Kompleks Jeti Semeling dari jalan Gurun - Bedong - Sungai Lalang.

Untuk hari berikutnya obor ini dibawa menelusuri Sungai Merbok bersama teksi air. Seterusnya obor dibawa bersama rombongan basikal ke Taman Jubli Perak. Selanjutnya obor tersebut dibawa sambil berlari ke 3 'check point' sebelum diserahkan kepada YDP, Encik Norizan Khazali di Dataran Zero Kilometer. Program ini juga diserikan lagi dengan persembahan Silat Gayung Malaysia.

Obor APMG kemudian dibawa menaiki kenderaan pacuan empat roda MPSPK dengan diiringi pasukan PDRM, JPJ dan pasukan motosikal MPSPK untuk diserahkan kepada Majlis Daerah Baling(MDB) di Kuala Ketil. Upacara penyerahan disempurnakan oleh Setiausaha MPSPK Encik Helmi Yahya kepada Setiausaha MDB Encik Mohd Fitri bin Dato' Che Jamil.

Penganjuran Program Larian Obor APMG antara lainnya bertujuan untuk merealisasikan hasrat memupuk semangat kerjasama antara PBT tempatan di Malaysia berserta badan-badan luar melalui Corporate Social Responsibility (CSR) dalam menjayakan siri promosi acara sukan bertaraf antarabangsa.



1. Obor dan maskot sukan APMG tidak ketinggalan di bawa menelusuri keindahan Sungai Merbok di jeti Semeling.

2. Pasukan basikal MPSPK berkayuh sejauh 5km membawa Obor ke lokasi kontinen larian di Taman Jubli Perak.

3. Sebagai tanda perasmian acara, Yang Dipertua MPSPK, Encik Norizan Khazali menerima obor APMG daripada Setiausaha MPSPK Encik Helmi Yahya di Dataran Zero Kilometer bersama wakil daripada Majlis Bandaraya Pulau Pinang.



## KEMPEN KIBAR JALUR GEMILANG 2018

Kempen Kibar Galur Gemilang Peringkat Negeri Kedah 2018

26 Ogos 2018  
Dataran Zero KM, Sungai Petani



Dataran Zero Kilometer Sungai Petani telah menjadi destinasi pilihan untuk pelancaran Kempen Kibar Jalur Gemilang 2018 peringkat negeri Kedah.

Dirasmikan oleh YAB Menteri Besar Kedah, Dato' Seri Mukhriz Tun Mahathir dan turut disertai oleh barisan EXCO Kerajaan Negeri dan agensi-agensi Kerajaan Negeri Kedah.

Dalam ucapan perasmianya, YAB Menteri Besar telah menegaskan Kemerdekaan Malaysia selama 61 tahun ini adalah hasil perjuangan bagi mencapai kemerdekaan sejati dan penuh makna maka kejayaan ini perlulah dihayati serta dipertahankan oleh seluruh rakyat Malaysia.

Pelbagai aktiviti dirancang seperti konvoi motosikal berkuasa tinggi, nyanyian lagu-lagu patriotik dan pengedaran jalur gemilang kepada agensi-agensi kerajaan di negeri Kedah.

Kempen tersebut turut dimeriahkan dengan penglibatan daripada ahli Kelab DG Bikers Kedah.

Pelancaran kempen kibar jalur gemilang ini adalah jalinan yang mampu menyemarakkan semangat patriotisme dalam kalangan rakyat yang dizahirkan melalui pengibaran jalur gemilang di kenderaan, kediaman dan premis

lanya juga penting sebagai salah satu platform bagi membina semangat rakyat Malaysia agar terus mempertahankan tanah air yang bertuah ini.



1. YAB Menteri Besar Kedah, Dato' Seri Mukhriz Mahathir mengibarkan bendera Jalur Gemilang.



2. Konfetti berjatuhan menandakan perasmian dan kemeriahkan acara Kempen ini di Dataran Zero KM.

3. ADUN Bakar Arang, YB Simon Ooi tidak ketinggalan melekatkan bendera Jalur Gemilang pada motosikal berkuasa tinggi peserta konvoi.





## MAJLIS ANGKAT SUMPAH AHLI MAJLIS 2018 -19



Majlis Angkat Sumpah Ahli - Ahli Majlis 2018-19

08 Ogos 2018

Bilik Gerakan MPSPK, Aras 5

Majlis Angkat Sumpah Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sungai Petani telah berlangsung dengan jayanya di Bilik Gerakan MPSPK. Seramai 20 orang Ahli Majlis telah dilantik bagi penggal 2018 -19.

Turut hadir ke Majlis angkat sumpah ini adalah Pegawai Daerah Kuala Muda Encik Nordin bin Yahya , Yang Dipertua MPSPK Encik Norizan bin Khazali dan Setiausaha MPSPK, Encik Helmi bin Yahya. Dr Robert Ling Kui Ee, Ahli Dewan Undangan Negeri Sidam turut sama hadir menjadi saksi.

Proses mengangkat sumpah di hadapan Yang Dipertua telah dijalankan secara berkumpulan dengan melibatkan empat orang melafaz ikrar sumpah bagi satu kumpulan.

Dalam melafazkan sumpah, Ahli Majlis telah menyatakan ikrar mereka untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat khususnya di kawasan/zon yang mereka wakili.

Segala semakan dan butiran berkenaan dengan perwakilan zon-zon kawasan Ahli-Ahli Majlis yang baharu ini boleh dirujuk di laman Facebook rasmi MPSPK.

Seluruh warga MPSPK mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada barisan Ahli Majlis yang baharu. Semoga dengan pelantikan barisan Ahli Majlis ini dapat melancarkan pentadbiran dan meningkatkan lagi kualiti penyampaian perkhidmatan yang diberikan MPSPK kepada warga bandar Sungai Petani.



**Barisan Ahli-Ahli Majlis Penggal 2018-19**  
Majlis Perbandaran Sungai Petani, Kedah

Norizan bin Khazali  
Yang Dipertua

Yusof bin Omar  
Ahli Majlis

Hanismra binti Ismail  
Ahli Majlis

Juliana binti Abdul Ghani  
Ahli Majlis

Mohd Nawi bin Husin  
Ahli Majlis

Karunagaran A/L Govindan  
Ahli Majlis

Loke Chin Giap  
Ahli Majlis

Tan Bat Wang  
Ahli Majlis

Mohd Shubihi Muhamad Zain  
Ahli Majlis

Dr. Amir Hakim bin Basri  
Ahli Majlis

Ahmad Fuad bin Khasim  
Ahli Majlis

Mohd Soofie bin Md Taib  
Ahli Majlis

Abdullah Suady Ramadhan  
Ahli Majlis

Poobalan A/L Subramaniam  
Ahli Majlis

Wai Kok Leong  
Ahli Majlis

Mohd Firdaus bin Yusoff  
Ahli Majlis

Zariny binti Zainol  
Ahli Majlis

En. Zamri bin Hamid  
Ahli Majlis

Lee Siang Ling  
Ahli Majlis

Paramesivan A/L Subbiah  
Ahli Majlis

Abdul Razif bin Abd Bar  
Ahli Majlis



## PROGRAM RAKAN TAMAN 2018

Program Rakan Taman 2018  
21 Oktober 2018  
Zon Mawar, Ambangan Heights

Jabatan Lanskap dan Rekreasi, MPSPK dengan usahasama daripada Jabatan Pertanian Negeri Kedah, SW Corp, e-Ihdaman, Ahli Majlis serta masyarakat setempat telah berjaya menganjurkan Program Rakan Taman 2018.

Kehadiran Ahli Parlimen Merbok, YB Nor Azrina binti Surip sebagai tetamu kehormat turut menyerikan suasana majlis. Antara aktiviti yang telah dijalankan adalah membersihkan kawasan lapang bagi menanam pokok buah-buahan dan sayur-sayuran. Selain itu, pihak penduduk juga turut diberikan khidmat nasihat oleh pihak Jabatan Pertanian Daerah Kuala Muda.



Program ini juga adalah kesinambungan daripada program sulung yang diadakan pada 2017. Antara lainnya, ianya melibatkan pembangunan rakan taman, pemilihan tapak program dan pelantikan jawatankuasa dalam kalangan penduduk.

Antara objektif utama Program Rakan Taman adalah menggunakan tanah kosong dengan sebaik mungkin. Hal ini penting bagi memastikan kawasan tersebut tidak diceroboh untuk aktiviti lain di samping mewujudkan persekitaran komuniti yang sihat.

Program Rakan Taman turut menyasarkan penglibatan penduduk tempatan di bawah pemantauan MPSPK terutamanya dalam menuai hasil tanaman yang boleh dijual.



1. Pengarah Jabatan Lanskap dan Rekreasi MPSPK, Encik Muhammad Hasrun Ahmad sedang menanam anak pokok.



2. Pengarah Jabatan Pertanian Negeri Kedah dan Ahli Parlimen Merbok sedang mendengar taklimat berkaitan benih pokok yang disumbangkan.



3. Kakitangan Jabatan Pertanian Daerah Kuala Muda sedang membuat demonstrasi campuran baja sekam kepada Ahli Parlimen Merbok.



## MAJLIS KHATAN PERDANA MPSPK 2018



Majlis Khatan Perdana MPSPK 2018  
27 November 2018

Dewan Kenangan, Menara MPSPK

Majlis Khatan Perdana MPSPK 2018 anjuran Jabatan Pembangunan Masyarakat telah mencatatkan seramai 204 peserta yang terdiri daripada kanak-kanak berumur 3 hingga 13 tahun. Majlis ini telah pun memasuki tahun yang kedua dan terbukti mendapat reaksi hangat masyarakat Sungai Petani.

Majlis dimulakan dengan pendaftaran dan penyerahan goodie bags kepada para peserta diikuti oleh bacaan doa. Majlis diteruskan dengan ucaptama daripada Yang Dipertua MPSPK, Encik Norizan bin Khazali serta ucapan perasmian majlis daripada Pegawai Daerah Kuala Muda, Encik Md. Nordin bin Yahya.

Kemuncak bagi majlis ini adalah apabila para peserta dimandikan beramai-ramai ala festival songkran di padang hoki MPSPK. Terlihat kemeriahannya bercampur tawa girang di wajah waris / ibu bapa & anak-anak. Malah ibu bapa juga tak ketinggalan merakam detik kegembiraan ini menerusi telefon bimbit.

Program ini bermatlamat bagi memenuhi hasrat seperti yang terkandung dalam pelaksanaan Local Agenda 21 iaitu bersama masyarakat ke arah kesejahteraan komuniti sesebuah tempat.

Penganjuran program ini merupakan salah satu platform untuk PBT mendekati masyarakat setempat sekaligus mengeratkan lagi hubungan dan jalinan kerjasama antara MPSPK dan masyarakat secara keseluruhan.



1. Yang Dipertua, Encik Norizan Khazali ditemani Pegawai Daerah Kuala Muda, Encik Md. Nordin Yahya meluangkan masa untuk bertanya khabar kepada para peserta dan ibu bapa.

2. Keceriaan dan kegembiraan terpancar di wajah semua peserta selepas dimandikan pancuran air di Padang Hoki MPSPK.

2. Salah seorang peserta kelihatan ceria selepas selesai berkhatan.

3. Ibu bapa menemani anak-anak mereka yang baru selesai berkhatan.





## MAJLIS PERARAKAN KERETA BERHIAS

Majlis Perarakan Kereta Berhias  
Sempena Istiadat Pertabalan  
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah  
18 Disember 2018  
Dataran Medan Bandar, Alor Setar

Istiadat Pertabalan KDYMM Tuanku Sultan Kedah telah diserikan lagi dengan penganjuran Majlis Perarakan Kereta Berhias melibatkan pelbagai agensi Kerajaan Negeri. Jabatan Kejuruteraan dengan penglibatan dari Jabatan Lanskap dan Rekreasi telah berkerjasama untuk mencipta sebuah kereta berhias yang unik.

Pembinaan kereta berhias ini telah melibatkan 50 orang tenaga kerja. Ianya dibahagikan kepada beberapa tugas penting seperti kerja-kerja kimpalan, pertukangan dan elektrik yang diletakkan di bawah Jabatan Kejuruteraan dan pemilihan hiasan serta motif oleh pihak Jabatan Lanskap dan Rekreasi.



Kereta berhias yang berukuran 38' panjang dan 16' tinggi diilhamkan daripada istiadat pertabalan Sultan Kedah ke-29 dan dapat dilihat melalui penggunaan motif diraja seperti warna kuning, tengkolok diraja, payung diraja, motif burung helang dan ukiran-ukiran berkoncepkan Melayu tradisional.

Selain itu, ianya turut menampilkan binaan khas yang melambangkan bandar Sungai Petani seperti struktur Jam Besar Sungai Petani dan Bangunan Bank HSBC.

Perarakan kereta berhias turut diserikan lagi dengan persembahan tarian oleh penari daripada pelbagai jabatan MPSPK. Persembahan juga bertambah menarik apabila para penari mengenakan busana Melayu tradisional dalam persembahan mereka.



1



2



3



4

1. Tata pencahayaan Kereta Berhias MPSPK terserlah ketika perarakan yang bermula dari Jalan Stadium ke Medan Bandar Alor Setar.
2. Para penari yang terdiri dari kakitangan MPSPK bergambar kenangan di hadapan Kereta Berhias.
3. Yang Dipertua MPSPK, Encik Norizan Khazali sedang menerima anugerah penglibatan daripada KDYMM Tuanku Sultan Kedah.
4. Persembahan tarian ketika perarakan berlangsung bagi melengkapkan tema yang dipilih oleh MPSPK.



## KHIDMAT MASYARAKAT POLITEKNIK KASIH



Khidmat Masyarakat Politeknik Kasih  
25 Okt 2018  
Galeri Tsunami, Kota Kuala Muda

Program gotong - royong ini berlangsung di Galeri Tsunami Kota Kuala Muda melibatkan seramai 100 orang peserta. Ianya merupakan hasil kerjasama di antara Jabatan Pembangunan Masyarakat, Jabatan Khidmat Pengurusan, Jabatan Kejuruteraan, Perhubungan Awam MPSPK dan kakitangan e-ldaman bersama pelajar serta pensyarah Politeknik Sultanah Bahiyah Kulim.

Antara aktiviti yang telah dijalankan adalah gotong-royong menanam pokok rhu di sepanjang pantai dan mengecat semula pagar Galeri Tsunami. Program ini turut mensasarkan beberapa objektif seperti memberikan pendedahan kepada mahasiswa berkaitan kepentingan menjaga kebersihan dan alam sekitar.



Scara 24 orang ahli pengangkat sumpah sebagai Ahli Majlis Amanah baru juga telah dilantik di dewan majlis pada 18 Januari 2012. Majlis Amanah telah diadakan pada 18 Januari 2012 di Dewan Majlis MPSPK tingkat 3 SP Plaza. Tidak lupa ahli sumpah sama dijemput bagi membuat hantaran.



1. New Year Eve Fun Run Terbaik!!
2. Si Kecil yang Patriotik...
3. Semangat patriotik membara dari MB Kedah DS Mukhriz Mahathir menampal bendera di motosikal peserta.
4. "Laju ayaq pancoq ni pi..."



Sumpah Ahli Majlis MPSPK telah diadakan pada 18 Januari 2012 di dewan majlis MPSPK tingkat 3 SP Plaza. Tidak lupa phak media turut mengambil gambar dan menyatakan liputan.

## IKON SG. PETANI

Menara Jam Besar

- Mula dibina oleh mendiang Lim Lian Teng pada tahun 1910. Usahawan tempatan berasal dari Sungai Lalang.

- Sebagai tanda peringatan sambutan Jubli Perak King George V.

- Tinggi: 15.2m


- Siap pembinaan: 1926



# Info Direktori

## Sekitar Sungai Petani

Jabatan Alam Sekitar (JAS)	044235633
Jabatan Kerja Raya (JKR)	044214040/42
Jabatan Pengairan & Saliran	044212209
Jabatan Pendaftaran Negara	044216391
Jabatan Penerangan	044211621
Jabatan Bekalan Air	044210848
Pejabat Daerah	044211963
Pejabat Tanah	044212122
IPD Daerah Kuala Muda	044236999
Aduan Jabatan Kerja Air	044217606
Biro Pengaduan Awam (Pulau Pinang)	042636893
Jab. Pertahanan Awam (JPAM)	044233193
Bomba Sungai Petani	044214444



Air Terjun Puteri Mandi

## MPSPK

Majlis Perbandaran Sungai Petani  
*Sungai Petani Municipal Council*  
08000 Sungai Petani, Kedah Darul Aman

Tel | 604-429 6666 / 429 6700  
Fax | 604-429 6655  
Web | [www.mpspk.gov.my](http://www.mpspk.gov.my)  
Email | [admin@mpsck.gov.my](mailto:admin@mpsck.gov.my)

"TRANSFORMASI KE ARAH KECEMERLANGAN"